

PKPD Taman Guru Kuantan, Siburan Sarawak esok

[Faris Fuad](#) - Mac 26, 2021 @ 6:08pm
faris.fuad@bh.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO fail NSTP

KUALA LUMPUR: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di Taman Guru, Jalan Gambang, Kuantan, Pahang serta Kampung Batu Gong dan Kampung Chupak, Daerah Kecil Siburan, Sarawak, selama 14 hari bermula esok.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata tindakan itu susulan Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan berlaku peningkatan kes COVID-19 mendadak dengan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti tinggi di lokaliti terbabit.

Bagi Taman Guru, katanya, KKM setakat ini melaksanakan 178 ujian saringan dan sebanyak 63 kes positif COVID-19 direkodkan.

"Sehingga semalam, sebanyak 50 kes positif pula dilaporkan di Kampung Batu Gong.

"Sebanyak 338 ujian saringan dilakukan di Kampung Chupak dan daripada jumlah itu, 57 kes positif, 41 negatif serta 240 baki sampel saringan sedang menunggu keputusan

"Selepas membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di lokasi berkenaan bermula 27 Mac hingga 9 April ini," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan PKPD itu untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk serta mengawal pergerakan dan penularan jangkitan dalam komuniti.

,